

Kutipan zakat meningkat di sebalik ekonomi merudum



AHMAD MARZUK (tengah) menyaksikan **Abdul Aziz (kiri)** menyerahkan replika cek pungutan zakat kepada **Mohd. Daud** di Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR – Jumlah kutipan zakat Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) telah meningkat kepada sembilan peratus setakat Jun 2022 berbanding tempoh sama pada 2021.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Ahmad Marzuk Shaary berkata, sebanyak RM423 juta kutipan setakat Jun tahun ini berbanding RM387 juta tahun lalu dan daripada jumlah tersebut, RM56.6 juta adalah daripada zakat perniagaan.

“Ini menunjukkan masih ramai yang sedar mengenai kewajipan berzakat. PPZ dan MAIWP akan

menjalankan fungsinya dengan sama sama ada ketika menerima dan mengagihkan zakat kepada golongan yang layak,” katanya ketika berucap pada Majlis Zakat Korporat di sini semalam.

Hadir sama, Pengerusi PPZ, Tan Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman dan Pengerusi MAIWP, Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar.

Sementara itu, Abdul Aziz berkata, peningkatan kutipan zakat perniagaan pada tahun ini sukar dijangka ekoran situasi ekonomi yang tidak menentu ketika ini.

Bagaimanapun, katanya, syarikat korporat di Malaysia masih cakna dengan tanggung-

jawab dan kewajipan mereka dalam menunaikan zakat perniagaan masing-masing.

Katanya, setakat ini, pihaknya telah menerima lebih RM11 juta wang zakat daripada 20 syarikat korporat merangkumi tahun (haul) 2020 hingga 2022.

“Jika yang ada perniagaan pun terkesan ketika ini, apatah lagi golongan kurang berkemampuan seperti asnaf dan fakir miskin.

“Saya menyeru kepada syarikat korporat dan mereka yang berkemampuan supaya tunaikanlah zakat agar jumlahnya mencukupi untuk menampung perbelanjaan asnaf di Wilayah Persekutuan,” katanya.